



12 DEC, 2022

Beri penekanan kepada STEM

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Beri penekanan kepada STEM

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memberi lebih penekanan kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta digital dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah dan menengah.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom berkata, walaupun penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira adalah penting tetapi ia hanya perkara asas dan bukan satu isu besar.

Katanya, meskipun pelajar tidak hadir ke sekolah berikutan pandemik Covid-19, mereka masih dapat belajar dan menguasai 3M melalui pembelajaran dan tunjuk ajar daripada ibu bapa di rumah.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan harus lebih menekankan kepada mata pelajaran bahasa Inggeris, bidang STEM dan digi-

tal terutama kepada murid-murid sekolah rendah.

"Dalam abad 21 ini, kita perlu lebih memberi penekanan dan memfokuskan kepada bidang STEM terutama kepada murid-murid sekolah rendah kerana ia amat penting bagi memudahkan mereka masuk ke sekolah menengah kelak.

"Selain itu, para pelajar di sekolah menengah dan rendah juga sudah mula belajar kemahiran digital seperti mempelajari cara pengekodan komputer dan robotik, jadi ini merupakan satu perkembangan agak baik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pendidikan menyuarakan hasrat dan harapan mereka agar kerajaan lebih memfokuskan kepada

penguasaan 3M terutama kepada murid sekolah rendah.

Alimuddin berkata, memfokuskan kepada STEM adalah usaha yang baik kerana negara sedang menuju kepada industri 4.0 yang mana penggunaan digital dan robotik menjadi asas kepada industri di negara ini pada masa akan datang.

"Saya yakin hampir semua pelajar sudah menguasai 3M dan kalau ada adapun, mungkin yang tiada kemudahan tetapi itu bukan alasan lagi kerana sekolah pun sudah dibuka.

"Sekarang ini yang penting, kita perlu pergi kepada suatu tahap lain, tahap yang lebih tinggi iaitu dengan memberi pendedahan lebih awal kepada para pelajar tentang dunia digital kerana inilah yang akan membawa negara kita ke arah yang lebih maju," katanya.



PENEKANAN kini harus diberikan kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) kerana penguasaan 3M bukan satu isu dalam kalangan sebahagian besar murid di Malaysia.



12 DEC, 2022

Beri penekanan kepada STEM

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memberi lebih penekanan kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta digital dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah dan menengah. Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom berkata, walaupun penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira adalah penting tetapi ia hanya perkara asas dan bukan satu isu besar.